SAMPEL PERCUMA

Latihan Kata Ganti Nama

Set penuh: Latihan BM Tahun 1–6

Tahun 2

Sampel ini: 5 muka surat. Set penuh ada:

- Tahun 1–3: tatabahasa ikut topik + jawapan
- Tahun 2, 4, 5, 6: himpunan modul tatabahasa dan kertas latihan
- Praktis UASA BM Tahun 4–6: 3 set + skema
- Latihan penulisan karangan

RM9.90

BELI SET PENUH RM9.90 >

nightmew.com/p/latihan-bahasa-melayu-tahun-1-6 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

9. “Janganlah _____ dihukum, tuanku,” rayu tukang masak istana kepada Sultan Azlan.

A hamba
B aku
C saya
D beta

10. “Bilakah _____ sampai?” tanya Encik Lim kepada kawannya.

A kita
B engkau
C cik
D dia

11. Yoke Meng berasa gelisah kerana terlupa membawa buku latihan Bahasa Malaysia_____.

A dia
B ia
C baginda
D -nya

12. “_____ mesti belajar bersungguh-sungguh supaya dapat melanjutkan pelajaran ke universiti,” pesan Cikgu Nizam kepada Arjun.

A Aku
B Kamu
C Beliau
D Dia

13. “_____mesti sampai ke tempat itu sebelum senja,” kata Sani kepada rakan-rakannya.

A mereka
B kami
C kita
D di

14. “Ampun _____, memang benar kata-kata bendahara itu,” sembah Temenggung Ibrahim kepada Sultan Mahmud.

A tuanku
B baginda
C beta
D patik

15. “Sila keluarkan buku latihan _____ sekarang”, kata Cikgu Azhar kepada murid kelas Lima Setia.

A Kami
B Kalian
C Kita
D Engkau

16. Anis dan Aida melawat David yang sedang sakit. _____ membawa buah tangan untuknya.

A Kamu
B Kalian
C Mereka
D Kami

17. _____ menangis kerana perutnya sakit.

A Dia
B Ia
C Baginda
D Beta

18. "_____ sudah makan atau belum?" tanya Harun pada adiknya.

A Kamu
B Dia
C Kita
D Kalian

19. "Wahai Tuhan,kepada_____ kusandarkan harapan,"ujar Salim dalam doanya.

A Engkaulah
B Bagindalah
C Dialah
D Andalah

20. Tahniah, _____telah berjaya dalam pertandingan syarahan itu.

A Awak
B Dia
C Baginda
D Beliau

21. "Bilakah _____ akan pergi ke sana?" tanya Razali kepada kawan- kawannya.

A kalian
B kami
C saya
D awak

22. "Mat, _____ hendak beli pemadam? Aku ada jual pemadam," kata Azmi kepada rakannya.

A kita
B kamu
C aku
D saya

23. Lily tidak dapat hadir ke sekolah kerana _____ demam panas.

A dia
B kamu
C kami
D engkau

24. "Saya harap _____ dapat menyiapkan latihan yang saya beri ini pada hari esok," kata Cikgu Mona kepada murid-murid 4 Tuah.

A kamu
B mereka
C kalian
D dia

25. Cikgu Leman ibarat senapang bambu. _____ nampak sahaja garang tetapi sebenarnya baik hati.

A Dia
B Beliau
C Baginda
D Patik

26. "_____ sering gering sejak akhir-akhir ini," kata Sultan kepada bendaharanya.

A Baginda
B Beta
C Patik
D Ia

27. Munusamy sangat gembira kerana kakak _____ telah kembali ke tanah air setelah beberapa tahun berada di England.

A nya
B dia
C awak
D beliau

28. Encik Leong seorang peladang yang berjaya. _____ telah dianugerahi “Peladang Cemerlang”.

A Dia
B. Baginda
C Beliau
D Aku

29. “Harapan patik agar_____ berangkat pulang dengan selamat,” kata Bendahara.

A beta
B tuanku
C hamba
D baginda

30. Walaupun datuk telah lanjut usia, namun _____ masih aktif bersukan.

A dia
B anda
C beliau
D kita

31. Ah Chong dan Kok Leong bersahabat karib. _____ tinggal sekampung.

A Mereka
B Kalian
C Dia
D Beliau

32. “_____ hendak ke mana,” tanya kakak kepada perempuan di sebelahnya itu.

A Saudari
B Saudara
C Hamba
D Encik

33. Chong jiran saya. _____ bersahabat baik sejak kecil lagi.

A Kalian
B Aku
C Kami
D Mereka

34. Para pemimpin negara mendapatkan kemerdekaan daripada orang Inggeris. _____ sangat berjasa kepada kita.

A Dia
B Beliau
C Kami
D Mereka

35. Lelaki itu ditangkap kerana merompak. _____dihukum penjara selama 6 tahun oleh mahkamah.

A kamu
B dia
C beliau
D engkau

36. “Mari _____ mencari jalan penyelesaian daripada berbual-bual kosong,” kata David kepada rakan-rakannya.

A kami
B kita
C anda
D aku

37. “_____ seorang pendidik yang berkaliber dan penulis yang disegani,” kata Puan Suraya kepada anaknya.

A Tuan
B Anda
C Awak
D Beliau

38. Ayah sedang berbual dengan kawan _____ melalui telefon.

A ku
B anda
C dia
D nya

39. “Mengapakah _____ datang lewat?” tanya guru disiplin kepada Ming Wei.

A kalian
B kita
C kamu
D kami

40. Balan dibawa ke hospital kerana _____ keracunan makanan.

A kami
B saya
C dia
D kita

41. “_____ berjanji akan menuruti segala nasihat dan tunjuk ajar datuk,” kata cucu-cucu itu kepada Pak Ngah.

A Kami
B Saya
C Patik
D Kalian

42. Murid baru itu peramah orangnya. _____ berpindah ke sini kerana mengikut bapanya yang ditugaskan di sini.

A Saya
B Hamba
C Beta
D Dia

43. Segala nasihat ibu akan _____ turuti.

A awak
B saya
C dia
D kalian

44. “Datuk dan nenek _____ tinggal di Pulau Besar,” kata Tamanah kepada Vijay.

A mereka
B saya
C kami
D patik

45. “Ampun _____, pada pandangan patik, eloklah penderhaka itu dimaafkan,” sembah Bendahara kepada Sultan.

A patik
B tuanku
C beliau
D beta

46. “Adakah _____ sudah bersedia untuk mendirikan khemah?” tanya ketua pengakap itu.

A baginda
B beliau
C kami
D kamu

47. Penduduk-penduduk Taman Aman sedang membersihkan longkang-longkang yang tersumbat. _____ bergotong-royong melakukan kerja-kerja tersebut.

A Beliau
B Kami
C Mereka
D Dia

48. “Dayang, sediakan santapan _____ sekarang,” titah Sultan Mansur Shah.

A aku
B beta
C saya
D hamba

49. Rahman dan Swee Lan berkawan baik. Hubungan _____ rapat umpama adik-beradik.

A mereka
B dia
C beliau
D kami

50. “_____ akan memulakan latihan sekarang juga,” kata Faiz dan Hakim serentak.

A Dia
B Kami
C Kalian
D Anakanda

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Latihan BM Tahun 1–6

Tahun 2

Sampel ini: 5 muka surat. Set penuh ada:

- Tahun 1–3: tatabahasa ikut topik + jawapan
- Tahun 2, 4, 5, 6: himpunan modul tatabahasa dan kertas latihan
- Praktis UASA BM Tahun 4–6: 3 set + skema
- Latihan penulisan karangan

RM9.90

BELI SET PENUH RM9.90 >

nightmew.com/p/latihan-bahasa-melayu-tahun-1-6 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar